

22 JAN 2003

INDIA-KEMUNCAK/I

INDIA ANJUR SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN INDIA-ASEAN SEPTEMBER INI

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- India akan menganjurkan Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean kedua pada bulan September sebelum Sidang Kemuncak Asean yang akan berlangsung di Bali Oktober tahun ini.

Sidang Kemuncak Perniagaan itu akan dianjurkan bersama oleh Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India (FICCI) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri India.

Setiausaha agung FICCI, Dr Amit Mitra berkata, Sidang Kemuncak Perniagaan itu bertujuan menjana idea dan cadangan baru yang boleh dibincangkan secara panjang lebar pada mesyuarat di Bali kelak.

Dr Mitra, yang berada di sini bersama perwakilan perniagaan dari India bagi membincangkan cadangan mengadakan Pameran India bertajuk "India yang Menakjubkan" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Jun ini, berkata demikian kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Industri India Kuala Lumpur dan Selangor (KLSICCI).

Katanya, India akan mengundang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai seorang ahli panel pada sidang kemuncak perniagaan itu kerana beliau (Dr Mahathir) merupakan ahli panel yang telah mencetuskan minat dan ilham ketika beliau berucap pada sidang kemuncak pertama yang diadakan di Hyderabad, Oktober tahun lalu.

Dr Mitra berkata, sidang kemuncak pertama itu telah membuka mata pemimpin-pemimpin perniagaan India terhadap potensi perniagaan di rantau Asean.

Pameran yang akan diadakan pada bulan Jun itu akan mempamerkan kebudayaan India melalui peragaan, pesta filem dan pertunjukan fesyen.

Ia merupakan susulan kepada sidang kemuncak pertama, bertujuan memperkukuhkan hubungan masyarakat perniagaan di kedua-dua negara bagi mewujudkan dan memperluaskan peluang perniagaan, tegas Dr Mitra.

Di samping itu, kata Dr Mitra, pameran itu akan diadakan serentak dengan seminar bagi membincangkan isu-isu untuk mempermudah perdagangan dan aliran pelaburan di kedua-dua negara. -- BERNAMA

PK KTC KY AA